



جابتني كواڠن دان ڦرمندا هاراءن نگري ملاڪ

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM (KPS)125Jld.2(34)

Tarikh : 14 Mei 2019

Bersamaan : 9 Ramadhan 1440H

Semua Ketua Jabatan Negeri/ Pusat Tanggungjawab

Negeri Melaka

(Seperti Senarai Edaran)

YBhg. Datuk/Tuan/Puan

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.02 TAHUN 2019 : PENDAHULUAN DIRI BAGI BAYARAN TERLEBIH EMOLUMEN/GAJI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 327(b) - Mendapatkan Balik Pembayaran Lebih Dengan Ansuran, Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk mendapatkan bayaran lebihan bagi emolumen/gaji terlebih bayar sama ada secara sekaligus atau secara pendahuluan diri (ansuran).

3. Untuk makluman, lebihan bayaran emolumen/gaji antaranya disebabkan oleh perkara-perkara berikut:-

- i. Berkursus
- ii. Cuti tanpa gaji
- iii. Cuti separuh gaji
- iv. Meletak jawatan
- v. Tindakan tatatertib
- vi. Elaun memangku/tanggung kerja
- vii. Imbuhan tetap perumahan
- viii. Elaun tidak mengikut kelayakan
- ix. Lain-lain

4. Oleh yang demikian, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menyemak semula bayaran balik emolumen/gaji terlebih bayar kakitangan terlibat seperti di lampiran serta memastikan bayaran lebihan telah diselesaikan oleh kakitangan yang terlibat selewat-lewatnya pada bulan September 2019. Sekiranya terdapat bayaran ansuran yang melebihi daripada 31 Disember 2019, Ketua Jabatan perlu memastikan bayaran ansuran dibuat secara pendahuluan diri. Tatacara Perakaunan Bayaran Pendahuluan hendaklah dirujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil 17 Tahun 2014 di para 1.5 Lampiran D.



5. Semua kutipan bayaran balik emolumen/gaji terlebih bayar secara ansuran yang tidak mematuhi ketepatan AP327(b) adalah **TIDAK DIBENARKAN** kerana tidak direkodkan sebagai Akaun Belum Terima (ABT).

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-2307285/298/802**.

Sekian, terima kasih.

"**MELAKA BERWIBAWA**"

"**PINTAR, HIJAU BERSIH**"

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri,
MELAKA.

yatim pendakwaan did emolumen terlebih bayar